

DASAR KOKURIKULUM SEKOLAH 2014

1. Dasar kokurikulum sekolah adalah selaras dengan dasar sekolah.
2. Aktiviti kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah.
3. Pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah adalah wajib.
4. Setiap pelajar adalah wajib menyertai ketiga-tiga unit kokurikulum iaitu satu kelab sukan/permainan, satu badan beruniform, dan satu persatuan akademik atau kelab bukan akademik.
5. Pelajar diwajibkan menyertai aktiviti 1Murid 1 Sukan(1M 1S) dan program-program kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah seperti merentas desa, sukantara dan olahraga.
6. Hari Rabu pada setiap minggu merupakan hari kokurikulum.
7. Pada setiap hari Rabu, pelajar diwajibkan memakai samada pakaian seragam lengkap badan beruniform atau T-shirt badan beruniform atau T-shirt khas kokurikulum sekolah.
8. Penyelaras unit berkenaan adalah bertanggungjawab untuk menyelaraskan perjalanan aktiviti pada hari tersebut.
9. Waktu pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah mulai pukul 3.00 petang sehingga 4.30 petang. Pelajar tidak dibenarkan pulang sehingga tamat aktiviti kokurikulum.
10. Pelajar yang melanggar peraturan yang ditetapkan atau ponteng aktiviti kokurikulum akan dikenakan tindakan selaras dengan peraturan sekolah.
11. Hari Khamis ditetapkan sebagai hari pelaksanaan program 1M 1S. Aktiviti permainan dijalankan bermula 4.30 petang sehingga 6.00 petang. Aktiviti dijalankan mengikut jadual yang diatur dan diselia oleh guru permainan berkenaan.
12. Guru-guru penasihat wajib melaksanakan program kokurikulum seperti yang telah dirancang dan bertanggungjawab terhadap pelajar sepanjang aktiviti berjalan.
13. Aktiviti yang telah dijalankan hendaklah dilaporkan di dalam buku laporan aktiviti yang disediakan.
14. Buku rekod aktiviti perlu diserahkan kepada PK kokurikulum setiap kali selepas aktiviti untuk semakan.
15. PK kokurikulum, Guru Kanan Mata Pelajaran dan penyelaras unit kokurikulum bertanggungjawab menyelia dan memantau perjalanan aktiviti kokurikulum pada setiap minggu.